

Wakaf langkah jana pendapatan umat Islam

institusi

Oleh HSYAMUDDIN AYUB
agama@utusan.com.my



RAZALI OTHMAN (kiri) bersama Muhammad Amin Ibrahim (kanan) dan moderator Muinnudin Mohd. Kamal (tengah) ketika menjadi ahli panel pada Wacana Zakat, Wakaf dan Cukai di UPM, Serdang baru-baru ini.

SEAKAN terlekat dalam minda masyarakat apabila membicarakan tentang wakaf, ia hanya melibatkan penyerahan secara mutlak hak milik tanah untuk dijadikan masjid dan tanah kubur.

Sebaliknya pelbagai agenda besar lain boleh dimajukan oleh ummah sekiranya ruang lingkup berwakaf 'dibuka' sepenuhnya terutama dalam membantu golongan asnaf atau masyarakat Islam yang kurang bernasib baik.

Meskipun wakaf itu bermaksud terhenti, namun itu tidak bermakna harta yang diinfakkan itu terhenti begitu sahaja dan tidak boleh digunakan sebaiknya pada jalan Allah.

Seharusnya amalan wakaf itu boleh digunakan bagi meningkatkan pendapatan ummah atau setidak-tidaknya bermanfaat untuk ditadbir oleh pihak mengendalikan harta tersebut.

Apabila sesuatu tindakan wakaf dipersetujui oleh pemberi, maka pemilikan sepenuhnya terhadap harta yang diinfakkan tersebut menjadi milik Allah SWT.

Sebenarnya, hasil daripada aset yang diwakafkan boleh digunakan untuk tujuan sokongan dana dalam peperangan, pendidikan serta dalam bidang kesihatan seperti mana dilaksanakan oleh para sahabat nabi SAW.

Begitu juga dalam menjana

pendapatan ummah dan disumbangkan kepada golongan asnaf yang memerlukan bantuan sewajarnya bagi meneruskan kehidupan seharian.

JANGAN HADKAN POTENSI WAKAF

Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Razali Othman** berkata, masyarakat jangan menjerat minda dengan maksud wakaf yang sempit iaitu sekadar tanah kubur, pembinaan masjid atau surau sahaja.

Sedangkan, katanya, pelbagai manfaat lain boleh dicetuskan menerusi amalan berwakaf dan memberi sumbangan besar kepada umat Islam menjadi sebuah umat yang berjaya.

"Tafsiran wakaf oleh Imam Abu Zahrah adalah apa-apa sumbangan yang boleh digunakan untuk kepentingan orang ramai. Begitu juga

dengan hasil daripada amalan berwakaf tersebut bagi menjana pendapatan, sekali gus memberi manfaat besar kepada masyarakat Islam.

"Aset yang diwakafkan sememangnya tidak boleh ditukar milik kerana ia sudah menjadi milik Allah, namun hasil daripada aset itu boleh digunakan. Sebagai contoh, hasil tanah yang diwakafkan boleh digunakan menjana pendapatan ummah dan membantu golongan tidak bernasib baik," katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis Wacana Zakat, Wakaf dan Cukai anjuran Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM yang bertujuan memberi kefahaman kepada orang ramai, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Syariah (Polisi dan Kepatuhan) Lembaga Zakat Selangor, Mohamad Amin Ibrahim; Ketua Seksyen Pengurusan Dana Wakaf Ilmu UPM, Nuruliman Ibrahim; dan Ketua Seksyen Pengurusan

Zakat dan Pembangunan Asnaf UPM, Zuhaimi Abd. Rahim.

Mengulas lanjut, Razali berkata, wakaf berupaya mewujudkan sebuah komuniti Islam yang bertanggungjawab dan membentuk suasana harmoni dalam kalangan masyarakat apabila budaya bantu membantu menjadi subur.

Jelasnya, begitu indah



RAZALI OTHMAN

TERDAPAT DUA JENIS HARTA UNTUK TUJUAN WAKAF, HARTA KEKAL DAN HARTA ALIH:

- Harta kekal - hartanah, bangunan dan sebagainya
- Harta alih - wakaf tunai, saham dan sukuk.

TERDAPAT PELBAGAI PENDAPAT ULAMA MENGENAI HARTA ALIH, ANTARANYA PELAKSANAAN ADALAH SECARA BERSYARAT IAITU MENERUSI ISTIBDAL (PENGANTIAN)

- Contohnya, *istibdal* harta alih seperti wang tunai kepada barang tetap iaitu dalam bentuk bangunan atau pembelian tanah.

amalan wakaf apabila dilaksanakan, malah pelbagai kekurangan dalam masyarakat dapat diatasi menerusi hasil wakaf yang diinfakkan.

Katanya, bukan sahaja pahala yang berterusan bakal diperoleh pewakaf, bahkan jaringan lebih besar boleh diwujudkan sekali gus mewujudkan satu dana besar untuk kegunaan umat Islam.

"Golongan berwakaf akan gembira kerana dapat menunaikan tanggungjawab membantu golongan tidak bernasib baik, manakala golongan menerima manfaat daripada amalan itu pula berasa mendapat pembelaan daripada saudara Islam lain," katanya.

ANTARA dalil disyariatkan berwakaf dalam Islam:

• SURAH AL-BAQARAH, AYAT 261:

"*Bandingan (pahala) orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.*"

• SABDA RASULULLAH SAW:

"*Apabila matinya seseorang anak Adam itu maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibu bapanya.*"
- Riwayat Muslim